

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.8 (2)

Tarikh : 6 Disember 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PEMBATALAN SURAT EDARAN PEJABAT KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, Pentadbiran ini telah mengeluarkan Surat Edaran Pejabat Kewangan Negeri P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.8 (1) bertarikh 2 Disember 2022 bagi **menerima pakai pekeliling berkaitan Perolehan Kerajaan (PK)** di bawah Pekeliling Perbendaharaan di mana ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling / Surat Edaran Pejabat Kewangan Negeri yang sedang berkuat kuasa.

3. Sehubungan itu, Pentadbiran ini ingin memaklumkan **pembatalan** Surat Edaran Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus seperti berikut:

- i. Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 7.15 dan PK7.16 melalui surat P.Kw.N./N.S.(349) 600/21 (23) bertarikh 5 September 2019;
- ii. Pelaksanaan Perolehan Kenderaan Secara Rundingan Terus di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus melalui surat P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.6 (21) bertarikh 24 Februari 2020; dan
- iii. Had Nilai Baharu Perolehan Kerja Secara Lantikan Terus melalui surat P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.7 (14) bertarikh 1 September 2022.

4. Walau bagaimanapun, bagi perolehan kenderaan yang dilaksanakan secara **rundingan terus**, ianya hendaklah **diluluskan** dan **dimuktamadkan** oleh Pegawai Kewangan Negeri selaku Pihak Berkuasa Melulus.

5. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)